

MEMIMPIN DENGAN JIWA



ULASAN & SOROTAN

11 KUALITI KEPIMPINAN YANG MENGUBAH DUNIA

Oleh: Nabeel Al-Azami

Sebuah buku yang mengupas konsep kepimpinan berdasarkan teladan Rasulullah SAW, disokong oleh rujukan daripada sirah serta kajian yang dilakukan oleh sarjana Barat dan Timur.

Diterbitkan Oleh:
Yayasan Strategik Lestari

Hak Cipta Terpelihara © 2025
Terbitan Pertama, 2025

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan semula mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan apa jua cara sama ada secara elektronik, fotokopi mekanik, rakaman atau cara lain tanpa mendapat keizinan bertulis daripada Yayasan Strategik Lestari. Sebarang perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Penulis:
Haziqah Fasihah
'Awatif Madihah

Editor:
Hafizuddin Yahaya
Izzat Tuan Ibrahim

Reka Letak:
Zulkhairi Zaidi

Diterbitkan oleh:
Yayasan Strategik Lestari
No. 93A-1, Jalan Prima SG 3,
Prima Sri Gombak, 68100 Batu Caves,
Selangor Darul Ehsan
+60 11-5770 9954

Dicetak & Diedarkan oleh:
YSL Strategic and Leadership Solutions

Isi Kandungan

Dari Meja Penerbit III
Sekapur Sireh IV
Pendahuluan VI

BAHAGIAN I (PENGENALAN)
Struktur Buku 2
Mengenali Penulis 3

BAHAGIAN II (RINGKASAN)
Nilai dan Pengajaran 8
▪Nilai Kepimpinan 1: Integriti 8
▪Nilai Kepimpinan 2: Kecekapan 10
▪Nilai Kepimpinan 3: Visi 11
▪Nilai Kepimpinan 4: Keberanian 13
▪Nilai Kepimpinan 5: Keadilan Holistik 15
▪Nilai Kepimpinan 6: Ketegasan Pragmatik 17
▪Nilai Kepimpinan 7: Kepimpinan Berkhidmat (Servant Leadership) 18
▪Nilai Kepimpinan 8: Kebijaksanaan Praktikal 20
▪Nilai Kepimpinan 9: Berdaya Tahan 22
▪Nilai Kepimpinan 10: Belas Kasihan 24
▪Nilai Kepimpinan 11: Kecerdasan Spiritual 26
Ruang Penghayatan 29
Mesej Utama 37

BAHAGIAN III (KESIMPULAN)
Ulasan dan Pandangan 40
▪Tentang Akhlak 40
▪Mengikuti Rasulullah Itu Termasuklah Akhlaknya 41
Penutup 45

Dari Meja Penerbit

Setiap permulaan ada kisahnya, dan ini merupakan salah satu lagi usaha penerbitan kami di Yayasan Strategik Lestari (YSL). Projek ulasan buku terpilih ini adalah langkah awal dalam usaha kami berkongsi idea, pandangan dan penulisan yang menyentuh pelbagai isu yang dekat di hati masyarakat.

Sebagai sebuah yayasan yang sentiasa menyokong usaha memperkukuh budaya ilmu dan pemikiran kritikal, kami percaya buku ini bukan sekadar naskhah yang mesti dibaca, tetapi untuk difahami, direnungi dan diteladani.

Kami amat menghargai sumbangan penulis yang telah berkongsi dan memberi pandangan jujur mengenai buku yang dipilih. Gaya penulisan ulasan buku ini amat menarik dengan gaya yang santai, ada yang kritikal dan ada juga bahagian yang penuh harapan. Dan itulah yang menjadikan buku ini istimewa bagi kami.

Kami percaya setiap usaha seperti projek ulasan ini mampu membuka lebih banyak ruang penerbitan, lebih banyak ulasan buku, lebih banyak suara dan lebih banyak wacana yang membina.

Terima kasih kerana bersama kami dalam perjalanan ini. Selamat membaca!

Sekapur Sireh

Kepimpinan bukan sekadar soal kuasa atau jawatan. Ia adalah seni memberi makna, menentukan haluan dan menyalakan inspirasi dalam hati manusia. Buku ini lahir daripada keinsafan bahawa dunia telah menyaksikan pelbagai jenis pemimpin, Ada yang menakluk, ada yang membebaskan dan ada juga yang membina semula tamadun dengan hanya berpegang kepada prinsip dan integriti.

Melalui karya Muhammad SAW : 11 Kualiti Kepimpinan Yang Mengubah Dunia karya Nabeel Al-Azami, kami menghimpunkan ulasan yang mencerminkan pemikiran kritikal dan apresiasi mendalam terhadap nilai-nilai utama yang menjadi teras kepimpinan berkesan. Ulasan-ulasan ini bukan sekadar pengkisahan, tetapi dijalin bersama renungan yang relevan kepada cabaran kepimpinan masa kini, terutamanya buat generasi muda, pemimpin pelapis dan para pendidik bangsa.

Kami di sidang editorial yakin bahawa buku ini dapat membuka ruang diskusi yang lebih luas tentang keperluan kepimpinan berakhlak dan berpandangan jauh, di tengah dunia yang semakin kompleks dan penuh ketidaktentuan. Ia juga diharapkan menjadi sumber inspirasi serta dorongan untuk melahirkan pemimpin yang bukan sahaja bijak dalam strategi, tetapi luhur dalam visi kemanusiaan.



Setinggi-tinggi penghargaan kami rakamkan kepada semua penulis yang menyumbang analisis, pengalaman dan semangat mereka dalam menghasilkan ulasan-ulasan yang padat serta menggugah jiwa. Semoga buku ini menjadi pemangkin wacana, pencetus perubahan dan penanda aras kepimpinan masa depan yang kita impikan.

-

Mohd Hafizudin bin Mohd Yahaya
Ketua Editor

Pendahuluan

Statistik global menunjukkan bahawa lebih daripada dua juta judul buku diterbitkan setiap tahun di seluruh dunia. Di Malaysia sahaja, sekitar 17,000 hingga 18,000 judul buku baharu dicetak setiap tahun. Statistik ini menunjukkan aliran pengeluaran buku menunjukkan peningkatan yang stabil dan bukannya semakin merosot. Bahkan purata bacaan rakyat Malaysia juga meningkat kepada 24 buku setahun pada 2023, berbanding 15 buku pada 2014.

Angka yang dibentangkan memberi gambaran bahawa aktiviti membaca masih berlangsung meriah dalam kalangan masyarakat, ditambah pula dengan sambutan hangat terhadap pesta buku tahunan seperti Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) yang menjadi tumpuan pengunjung dari seluruh negara. Setiap negeri juga menganjurkan pesta buku tahunan tersendiri dengan bilangan pengunjung yang ramai terdiri dari pelbagai lapisan umur.

Dunia buku masih hidup. Namun begitu, di sebalik kemeriahan cetakan dan jualan buku, terdapat satu jurang yang ketara iaitu aktiviti mengulas buku. Pada ketika ini, banyak promosi buku dilakukan di media sosial atau pentas perbukuan, namun seringkali terhenti hanya pada tajuk yang menarik dan

sinopsis yang menggoda. Jarang sekali kita melihat ramai pembaca berkongsi dapatan dan pemikiran hasil bacaan secara mendalam. Yang menjadi lambakan adalah buku-buku yang dibeli tanpa habis dibaca.

Aktiviti ulasan yang jujur dan analitik jarang diangkat, seolah-olah membaca hanyalah sekadar hobi santai, bukan satu amalan yang mampu memacu perubahan diri. Padahal, jika membaca dilakukan dengan pendekatan yang lebih serius seperti membuat ringkasan, menulis ulasan, membandingkan buku-buku serta mengaplikasikan ilmu dalam kehidupan, nescaya impaknya jauh lebih besar daripada sekadar menyertai program motivasi yang mahal-mahal.

Hakikatnya, perubahan diri bermula daripada keinginan dan kesudian untuk bertindak. Dan salah satu bentuk tindakan itu ialah menghidupkan ilmu yang dibaca.

Oleh itu, buku ini dihasilkan sebagai satu usaha kecil untuk mengisi kekurangan dunia ulasan buku. Kami berharap usaha ini mampu membantu lebih ramai pembaca mendekati buku-buku yang bernilai, sambil menyedari bahawa setiap karya ada lebih dan kurangnya dan bukanlah harus sempurna pada setiap helaian. Itu bukanlah kekurangan, tetapi inilah hakikat kehidupan di mana ada manis, ada masin, ada tawar dan pelbagai rasa lain, itulah yang

menjadikan kehidupan lebih seimbang. Itulah juga erti kesempurnaan kehidupan di dunia : ketidaksempurnaan.

Buku ini dibahagikan kepada tiga bahagian utama iaitu pengenalan, ringkasan dan kesimpulan. Diharapkan pada setiap bahagian akan memberi manfaat, walau hanya sebaris kata. Jika terdapat sebarang kesalahan dan kekurangan yang memerlukan pembaikan sudilah kiranya untuk menghubungi pihak kami.

Akhir kata, persekitaran yang baik akan terhasil apabila lebih ramai orang yang hidup di dalamnya berusaha melakukan perkara-perkara yang baik. Terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang bertungkus lumus untuk menghasilkan ulasan buku ini sama ada terlibat secara langsung atau tidak. Mudah-mudahan usaha kecil ini termasuk dalam perkara baik dan insya-Allah konsisten di masa akan datang mampu memberikan impak kepada pembangunan masyarakat.

Semoga Allah SWT memberkati setiap usaha baik di antara kita ini dan melimpahkan rahmat-Nya ke atas kita semua dalam menyahut seruan-Nya yang pertama: “Iqra’ – Bacalah!” Selamat menghela nafas seterusnya untuk membaca!

Bahagian I

PENGENALAN



Ulasan & Sorotan

MUHAMMAD SAW: 11 KUALITI KEPIMPINAN YANG MENGUBAH DUNIA

Struktur Buku

Sebelum kita melangkah lebih jauh ke dalam ulasan buku ini, mari kita kenali terlebih dahulu beberapa perkara asas berkaitannya.

Tajuk penuh buku yang kami pilih untuk dihidangkan buat kali pertama kepada para pembaca ialah Muhammad SAW: 11 Kualiti Kepimpinan yang Mengubah Dunia. Buku yang agak tebal dan sarat dengan kandungan ini mengandungi 294 halaman, termasuk nota hujung yang menyenaraikan sumber-sumber rujukan penulis.

Buku ini telah diterbitkan oleh Claritas Books di United Kingdom iaitu sebuah syarikat penerbitan yang dahulunya dikenali sebagai Awakening Publications yang turut berada di bawah naungan kumpulan syarikat Awakening Media bersama dengan Awakening Records. Di Malaysia, penerbitan semula dilakukan oleh syarikat yang tidak asing lagi dalam dunia perbukuan iaitu Karya Bestari Sdn. Bhd.

Secara umum, buku ini terbahagi kepada beberapa bahagian yang bermula dengan pengenalan, 11 bab utama yang mengupas satu persatu kualiti kepimpinan Rasulullah SAW yang diketengahkan oleh penulis, epilog sebagai penutup dan kesimpulan, serta empat lampiran tambahan di bahagian akhir.



Bagi para pembaca yang biasa dengan gaya penulisan tokoh pembangunan diri seperti John C. Maxwell, susunan isi dalam buku ini mungkin terasa agak serupa. Setiap bab diakhiri dengan bahagian tip praktikal dan mesej utama berkaitan kandungan bab bagi membantu pembaca mengimbas kembali isi penting dan membuat rumusan ringkas dengan mudah.

Namun begitu, penulis turut menyuntik keistimewaan tersendiri dalam setiap bab melalui pembentangan kajian kes tokoh-tokoh terkenal dunia yang berkait langsung dengan tema bab berkenaan. Bagi kami, ini merupakan pendekatan yang agak baharu dan sangat menarik kerana bukan sahaja menambah nilai intelektual kepada perbincangan, malah membantu pembaca melihat aplikasi nilai kepimpinan yang dibincangkan dalam konteks kontemporari.

Mengenali Penulis

Seterusnya, mari kita berkenalan secara ringkas pula dengan penulisnya. Mengenali penulis merupakan satu aspek penting dalam pembacaan kerana ia membantu kita memahami latar gagasan, gaya penyampaian dan cara fikir yang membentuk karya yang dihasilkan.

Buku Muhammad SAW: 11 Kualiti Kepimpinan yang Mengubah Dunia telah ditulis oleh Nabeel Al-Azami, seorang tokoh dalam bidang sumber manusia dan kepimpinan beretika. Beliau berasal daripada keluarga Bangladesh tetapi menetap di United Kingdom dan berstatus sebagai warganegara British. Beliau menetap di London bersama isteri dan tiga orang anak.

Beliau memperoleh dua ijazah iaitu Ijazah Sarjana Muda Pengurusan serta Ijazah Sarjana dalam Pengurusan Sumber Manusia daripada Universiti Manchester (termasuk Manchester Business School). Dikenali sebagai pakar dalam bidang sumber manusia, beliau merupakan pengasas kepada Murabbi Consulting, sebuah firma yang memberi khidmat nasihat dalam pembangunan sumber manusia berasaskan nilai dan kepimpinan etika.

Selain itu, Nabeel pernah berkhidmat dalam beberapa organisasi besar. Antaranya sebagai Pengarah di Citizens UK, Ketua Sumber Manusia Global di Islamic Relief Worldwide, serta

penganalisis dan rakan kongsi HR di Ford Motor Company (UK & Eropah). Beliau turut mendapat pengiktirafan profesional daripada Chartered Institute of Personnel and Development (CIPD), dan telah disenaraikan sebagai salah seorang jurulatih kepimpinan global terkemuka oleh Bank Pembangunan Islam (IDB-OIC).

Namun takdir Allah mendahului segala perancangan manusia. Nabeel disahkan menghidap ketumbuhan saraf tunjang pada Mac 2019. Beliau meninggal dunia beberapa bulan kemudian pada 14 Ogos 2019, pada usia 39 tahun. Dalam tempoh yang singkat itu, beliau tetap gigih menyiapkan buku ini dari katil hospital, sebagai buah tangan terakhir hasil lebih 20 tahun pengalaman, penyelidikan, latihan dan amalan dalam bidang kepimpinan.

Model yang diketengahkan beliau ialah berdasarkan Model Kepimpinan Kenabian (Prophetic Leadership Model) yang mana dibangunkan secara sistematik dan menjadi kerangka utama dalam buku ini. Dalam pengenalan bukunya, penulis turut menjelaskan hasrat dan impian yang ingin dicapai melalui karya ini. Antaranya ialah keinginan untuk membawa pemahaman yang lebih seimbang antara Timur dan Barat dalam mentafsirkan kepimpinan, serta menjadikan Rasulullah SAW sebagai model utama dalam pembentukan pemimpin beretika dan berkesan.

Penulis juga meletakkan harapan agar umat Islam dapat mencontohi prestasi kepimpinan para Khulafa' al-Rasyidin dan sahabat Rasulullah SAW iaitu golongan yang berjaya mengaplikasikan nilai kepimpinan kenabian yang dicontohi dalam pemerintahan dan kehidupan harian. Walaupun sasaran itu tinggi, ia tetap realistik kerana mereka adalah bukti hidup bahawa meneladani Rasulullah SAW akan melahirkan pemimpin unggul yang memimpin dengan profesionalisme dan integriti, lahiriah dan batiniah.

Akhirnya, Nabeel berharap agar nilai-nilai kenabian yang inklusif ini dapat dijelmakan dalam kehidupan masyarakat merentas sempadan agama, bangsa dan negara. Nilai yang baik, apabila diterjemah dalam tindakan, akan membawa manfaat kepada seluruh manusia, bukan umat Islam sahaja.

Semoga Allah SWT merahmati rohnya dan menerima segala usaha mulia yang beliau curahkan dalam bidang kepimpinan Islam kontemporari dan khidmat baktinya terutama dalam proses menghasilkan buku semasa fasa sakit dan menghampiri detik pemergian dirinya. Al-Fatihah.

Bahagian II

RINGKASAN



Ulasan & Sorotan

MUHAMMAD SAW: 11 KUALITI KEPIMPINAN YANG MENGUBAH DUNIA

Nilai dan Pengajaran

Dalam bahagian ini, kami ingin berkongsi pengajaran dan nilai penting mengikut bab yang boleh dipelajari di mana sebahagiannya disusun semula berdasarkan buku daripada buku Muhammad SAW: 11 Kualiti Kepimpinan yang Mengubah Dunia oleh saudara Nabeel Al-Azami. Segala ringkasan dan penilaian adalah hasil olahan penulis dan tidak mewakili pandangan rasmi penerbit atau penulis asal.

Nilai Kepimpinan 1: Integriti

Salah satu nilai utama yang ditekankan ialah **integriti** di mana penulis buku meletakkannya sebagai kualiti yang pertama. Menariknya, dikongsikan hasil kajian oleh Kouzes dan Posner dalam buku The Leadership Challenge (1995) yang melibatkan 2,615 pemimpin berjaya dalam sektor perniagaan dan industri mendapati bahawa kualiti utama yang menyumbang kepada kejayaan mereka ialah **kejujuran**. Kajian lanjutan lain pula pada tahun 2002 yang melibatkan kira-kira 75,000 responden dari enam benua menghasilkan dapatan yang serupa iaitu kejujuran dianggap sebagai kualiti terpenting bagi seorang pemimpin.

Kejujuran ini sebenarnya merupakan komponen utama dalam nilai integriti. Menurut Kamus Merriam-Webster, integriti

bermaksud kejujuran serta memiliki prinsip moral dan etika yang kuat; berpegang teguh kepada nilai-nilai moral. Manakala etika pula didefinisikan sebagai disiplin yang menggariskan perbezaan antara baik dan buruk; prinsip tingkah laku yang membimbing individu atau kumpulan; falsafah hidup bermoral.

Tambahan lagi, Indeks Persepsi Rasuah (Corruption Perceptions Index - CPI) oleh Transparency International yang dikutip oleh Adair (2010) menunjukkan bahawa **69% negara di dunia mengalami isu berkaitan rasuah**, termasuk separuh daripada negara-negara G20 iaitu negara maju dan sedang membangun yang berpendapatan tinggi. Fenomena ini menggambarkan bahawa masalah utama manusia bukanlah kurangnya kemajuan ekonomi, tetapi kelemahan karakter khususnya dari segi nilai moral dan etika. Antara punca utamanya ialah godaan terhadap kuasa, kekayaan, kemasyhuran dan sumber.


Melalui sirah Rasulullah SAW, kita mendapati satu teladan besar: **Baginda dikenali sebagai Al-Amin (yang amanah) sebelum diangkat sebagai Rasul**. Ini menunjukkan bahawa pembinaan karakter dan akhlak yang kukuh adalah prasyarat penting dalam pembentukan kepimpinan yang berkesan.

Nilai Kepimpinan 2: Kecekapan

Nilai seterusnya yang diketengahkan dalam buku ini ialah **kecekapan**.

Penulis menghuraikan nilai ini secara terperinci dengan merujuk kepada beberapa kerangka dan teori. Antaranya ialah **Model Action-Centered Leadership (ACL)** yang dibangunkan oleh John Adair, seorang ahli akademik British yang dikenali sebagai pakar dalam teori kepimpinan.

Menurut model ini, seorang pemimpin yang cekap dan berkesan ialah individu yang mampu memberikan pengawasan menyeluruh dalam tiga bidang utama yang saling berkait, iaitu:



Action-Centered Leadership (ACL)



Ketiga-tiga aspek ini perlu diberi perhatian secara seimbang agar fungsi kepimpinan dapat dijalankan dengan efektif dan menyeluruh.

Selain itu, pemimpin yang cekap juga perlu memiliki **sistem akauntabiliti prestasi** (performance accountability systems) yang jelas dan berfungsi. Sistem ini penting bagi memastikan setiap tugasan yang diberikan sentiasa berada di landasan yang betul dan dapat dipantau dengan baik. Malangnya, elemen penting ini sering kali tidak dimasukkan dalam struktur kerja organisasi, sedangkan ia sangat membantu dalam memantau prestasi keseluruhan, lebih-lebih lagi bagi pemimpin tertinggi.

Nilai Kepimpinan 3: Visi

Nilai berikutnya yang sangat penting untuk memandu dalam sesebuah kepimpinan ialah visi. Salah satu definisi pemimpin yang sering disebut ialah individu yang membawa sekumpulan manusia menuju ke suatu destinasi. Ini secara langsung menunjukkan bahawa seorang pemimpin mesti memiliki **visi, matlamat dan arah tujuan** yang jelas, ia merupakan unsur yang tersirat dalam takrif kepimpinan itu sendiri.

Menurut Khurram Murad, seorang cendekiawan Islam tersohor dari Pakistan (1932–1996), kepimpinan ialah **keupayaan untuk melihat melangkaui sempadan yang biasa** dan menghasilkan penyelesaian atau laluan yang hanya segelintir orang mampu bayangkan. Tambah beliau, pemimpin juga harus mampu **memprojeksikan visi tersebut** supaya dapat difahami, diyakini dan diteruskan oleh orang lain.

Mengapa visi begitu penting? Visi penting kerana ia memenuhi fitrah manusia yang sentiasa mencari **makna dan tujuan hidup**. Apabila manusia menemukan erti hidup melalui sebuah visi yang bermakna, mereka akan terdorong untuk **berusaha, berkorban dan bekerja keras** bagi menjayakannya. Visi yang paling berkesan adalah yang **menyentuh emosi dan nilai teras insan**, terutama melibatkan perkara yang mereka yakini dan perjuangkan secara mendalam.

Dalam konteks Islam, **visi tauhid** atau monoteisme adalah contoh agung kepada visi untuk kebaikan manusia sejagat. Ia merupakan misi kenabian yang ingin menamatkan segala bentuk **penindasan dan ketidakadilan**, serta mengangkat martabat kemanusiaan melalui pelaksanaan **hak asasi, keadilan, dan maruah insan**.

Namun, membawa visi tauhid bukanlah sesuatu yang mudah. Ia menuntut keberanian untuk **menghadapi penentangan**, khususnya daripada pihak berkuasa yang zalim dan kufur. Inilah yang dilalui oleh Rasulullah SAW ketika memperjuangkan risalah tauhid. Baginda menentang kezaliman, membela yang tertindas, dan tetap teguh memperjuangkan kebenaran. Meskipun menghadapi pelbagai ancaman dan cabaran hebat, Baginda tetap utuh hingga ke akhir hayat kerana berpegang teguh kepada visi tauhid, walau terpaksa berdepan cabaran dan kesukaran dalam kehidupan.

Nilai Kepimpinan 4: Keberanian

Nilai seterusnya yang dibicarakan dalam buku ini ialah **keberanian**. Kita semua tahu membezakan antara perkara yang betul dan yang salah. Namun, tidak semua yang tahu akan melakukannya.

Di sinilah pentingnya keberanian sebagai kekuatan dalaman yang diperlukan untuk **mengatasi rasa takut, keraguan, tekanan luaran, kekurangan keyakinan dan cabaran realiti**. Tanpa keberanian, kebaikan sering kali kekal sebagai niat yang tidak diterjemah dalam tindakan.

Aristotle, ahli falsafah Yunani, menyatakan bahawa keberanian adalah kebaikan yang pertama, kerana ia membuka jalan kepada pelaksanaan segala bentuk kebaikan yang lain. Ini menunjukkan bahawa keberanian bukan sekadar satu nilai, tetapi asas kepada nilai-nilai mulia yang lain. Menurut **Kamus Cambridge**, keberanian ialah keupayaan untuk **mengawal rasa takut dalam situasi bahaya atau sukar**, serta keberanian untuk melakukan apa yang diyakini betul. Manakala menurut **Merriam-Webster**, keberanian bermaksud **kekuatan mental atau moral** untuk menghadapi dan menahan ketakutan, bahaya atau cabaran.

Menariknya, penulis buku ini turut menyusun tiga bentuk asas keberanian yang sangat praktikal, iaitu **keberanian mencuba** seperti menjadi peneroka kepada usaha atau pendekatan baharu. Bentuk kedua ialah **keberanian mempercayai** seperti melepaskan keperluan untuk mengawal hasil kerja kerana percaya kepada rakan sepasukan atau organisasi. Yang terakhir pula **keberanian bersuara** seperti memberikan maklum balas yang janggal atau menyuarakan pendapat yang mungkin tidak popular.

Dalam konteks sirah, Rasulullah SAW adalah lambang keberanian yang tiada tolok bandingnya. Baginda hanya takut kepada Allah SWT dan tidak kepada makhluk. Sifat inilah yang memberikan keteguhan jiwa dan kekuatan luar biasa untuk menghadapi **penganiayaan, penindasan dan ancaman nyawa**, khususnya sepanjang 13 tahun berdakwah di Mekah.



Keberanian Rasulullah SAW sangat terserlah ketika Baginda **mengisytiharkan Islam secara terbuka**, meskipun tahu bahawa tindakannya akan mengundang pelbagai bentuk penentangan. Buku ini turut memuatkan banyak kisah keberanian Baginda sebagai teladan untuk para pemimpin masa kini.

Perlu difahami bahawa keberanian bukan sekadar berani mati. Dalam dunia hari ini, yang lebih dituntut ialah **keberanian untuk terus hidup dengan jati diri Muslim**, memperjuangkan nilai Islam secara seimbang, dan **tabah berpegang kepada iman dalam situasi yang mencabar**. Keberanian seperti inilah yang perlu kita tanamkan dalam diri — sebagai pemimpin, sebagai pendakwah, dan sebagai hamba Allah yang ingin menyampaikan kebaikan.

Nilai Kepimpinan 5: Keadilan Holistik

Kali ini kita akan melihat kepada konsep kualiti keadilan holistik pula. Martin Luther King Jr. pernah menyatakan:

"Ketidakadilan di mana sahaja adalah ancaman kepada keadilan di mana-mana. Kita terperangkap dalam rangkaian kebersamaan yang tidak dapat dielakkan, terikat dalam satu pakaian takdir. Apa sahaja yang mempengaruhi seseorang secara langsung, memberi kesan secara tidak langsung."

Begitu juga kata-kata **Desmond Tutu** yang mengangkat isu ketidakadilan dengan tamsilan yang tajam:

"Jika kamu berkecuali dalam situasi ketidakadilan, kamu telah pun memilih sisi penindas. Sekiranya kaki gajah memijak ekor tikus dan kamu mengatakan bahawa kamu neutral, si tikus tidak akan menghargai sikap berkecuali kamu!"

Ungkapan ini menjadi peringatan jelas bahawa **keadilan bukan sekadar konsep perundangan**, tetapi satu tanggungjawab moral dan sosial yang merentasi batas individu dan kelompok. **Bersikap berkecuali** dalam situasi ketidakadilan hanya akan mengukuhkan kedudukan penindas. Realitinya, ramai dalam kalangan kita memilih sikap ini.

Melihat kepada sejarah, baik dalam **undang-undang Rom** mahupun **Common Law Inggeris lama**, kita dapat mengesan wujudnya banyak bentuk ketidakadilan terutamanya terhadap **golongan wanita**. Perubahan hanya mula berlaku dengan lebih ketara pada **abad ke-19**, sedangkan Islam telah membawa prinsip **keadilan menyeluruh** sejak lebih **1400 tahun yang lalu**, sejak diturunkannya wahyu kepada Rasulullah SAW.

Keadilan dalam Islam **tidak bersifat terpilih atau bersyarat**. Ia menuntut keadilan **tanpa mengira jantina, umur, latar belakang, bangsa mahupun pangkat**.

Dalam konteks kepimpinan pula, keadilan adalah asas yang menjamin **kepercayaan, ketelusan dan kesejahteraan** dalam sesebuah organisasi atau masyarakat. **Keadilan holistik** bermaksud memastikan bahawa **semua pihak, termasuk yang paling lemah dan tidak bersuara**, diberikan hak dan layanan yang sewajarnya.

Nilai Kepimpinan 6: Ketegasan Pragmatik

Menurut **Kamus Cambridge**, ketegasan didefinisikan sebagai keupayaan untuk membuat keputusan dengan cepat dan penuh keyakinan. Manakala istilah pragmatik, menurut **Kamus Dewan Edisi Keempat**, merujuk kepada sikap atau pendirian yang lebih menitikberatkan kesan nyata sesuatu tindakan berbanding teori semata-mata. Ia juga membawa maksud sifat praktikal yang mempertimbangkan situasi sebenar dan kemungkinan akibat yang akan timbul.

Menggabungkan kedua-dua konsep ini, **ketegasan pragmatik** merujuk kepada **keupayaan membuat keputusan yang cepat, tegas dan yakin**, berdasarkan **penilaian realistik terhadap maklumat, data, pengalaman dan konteks semasa**. Pemimpin yang memiliki nilai ini bukan sahaja berani bertindak, tetapi juga bersedia menanggung akibatnya demi kebaikan yang lebih besar.

Dalam buku ini, penulis mengemukakan beberapa contoh dari **Sirah Rasulullah SAW** yang menonjolkan kualiti ketegasan pragmatik ini. Baginda SAW sering membuat keputusan yang berpaksikan wahyu namun tetap berpijak di bumi nyata, mengambil kira suasana masyarakat, kekuatan pasukan, serta kesan jangka panjang terhadap umat.

Antara contohnya ialah dalam **Perjanjian Hudaibiyah**, di mana Rasulullah SAW bersetuju menerima beberapa syarat yang kelihatan tidak memihak kepada umat Islam pada awalnya. Namun keputusan tersebut akhirnya membuka jalan kepada penyebaran Islam secara lebih meluas dan damai. Inilah di antara contoh ketegasan pragmatik, tidak tunduk pada emosi semata-mata, tetapi bertindak berdasarkan hikmah, maklumat dan visi yang jelas.

Nilai Kepimpinan 7: Kepimpinan Berkhidmat (Servant Leadership)

Banyak masalah sosial dan konflik dunia hari ini berpunca daripada sikap **mementingkan diri**, kehausan kuasa dan kerakusan mengejar kekayaan, tanpa mempedulikan kesejahteraan orang lain. Menurut penulis, antara pendekatan yang mampu merawat krisis ini ialah **kepimpinan berkhidmat** atau *servant leadership* — suatu bentuk kepimpinan berasaskan

nilai **altruistik**, iaitu mendahulukan kebajikan orang lain berbanding kepentingan peribadi.

Istilah *Servant Leadership* ini diperkenalkan oleh **Robert K. Greenleaf** dalam eseinya yang berjudul The Servant as Leader pada tahun 1970. Ia menekankan bahawa **seorang pemimpin yang sejati ialah pelayan kepada orang yang dipimpinnya**, bukan pemerintah yang menindas mereka. Konsep ini sangat kontras dengan kepimpinan narsistik yang sering diangkat oleh media moden yang membentuk gambaran palsu bahawa pemimpin mesti sentiasa berada di atas dan tidak boleh disentuh.

Rasulullah SAW menjadi contoh terbaik dalam kepimpinan berkhidmat. Baginda hidup bersama umatnya, membantu para sahabat dalam kerja-kerja berat, menziarahi orang sakit, menolong golongan miskin, dan tidak segan untuk merendah diri meskipun Baginda adalah pemimpin agung. Dalam buku ini, penulis turut menyenaraikan beberapa kisah sirah yang mengilustrasikan nilai ini.

Falsafah utama kepimpinan berkhidmat ialah semakin tinggi jawatan, semakin tinggi pula tanggungjawab, bukan semakin banyak keistimewaan. Seorang pemimpin tidak wajar merasa lebih mulia daripada pengikutnya atau berfikir bahawa kerja-kerja biasa tidak layak untuk dilakukan olehnya.

Kepimpinan bukan tiket untuk keistimewaan simbolik seperti bilik khas, keistimewaan eksklusif atau kekebalan daripada teguran.

Sebaliknya, **pemimpin berkhidmat mesti menunjukkan integriti, keterbukaan dan kesanggupan untuk dipertanggungjawabkan**. Mereka perlu menjadi teladan dalam meletakkan kepentingan orang ramai di hadapan diri sendiri, bersedia menerima maklum balas, dan tidak meletakkan diri sebagai figura yang tidak boleh ditegur.

Nilai Kepimpinan 8: Kebijaksanaan Praktikal

Menurut **Kamus Oxford**, kebijaksanaan didefinisikan sebagai kualiti memiliki **pengalaman, pengetahuan, dan pertimbangan yang baik**, serta keupayaan membuat keputusan berdasarkan **pemikiran yang waras dan seimbang**. Dalam tradisi falsafah Yunani pula, istilah *phronesis* digunakan bagi menggambarkan kebijaksanaan yang bersifat **praktikal**, iaitu berkait dengan keupayaan membuat keputusan yang tepat dalam situasi kehidupan sebenar.

Kebijaksanaan bukan sekadar kecerdasan atau pengetahuan akademik, tetapi ia adalah **seni mengetahui apa yang betul untuk dilakukan, pada masa yang tepat, dan dengan cara yang paling sesuai**. Ia melibatkan keupayaan menilai situasi,

menjangkakan akibat tindakan, serta mempertimbangkan kesan jangka panjang dan pendek dengan teliti.

Dalam konteks Islam, kebijaksanaan ini dirujuk sebagai **fatanah**, iaitu salah satu daripada **empat sifat wajib bagi para rasul** (fatanah, amanah, tabligh, dan siddiq). Maka tidak hairanlah dalam sirah Rasulullah SAW, terdapat banyak contoh peristiwa yang memperlihatkan kebijaksanaan Baginda dalam menyelesaikan konflik, membuat keputusan strategik, berdakwah, dan menangani musuh tanpa menjejaskan prinsip Islam.

Sebahagian kisah ini turut dikupas dalam buku ini, menunjukkan bagaimana Rasulullah SAW mengimbangi **hikmah, kesabaran, ketegasan dan toleransi**, bergantung kepada suasana dan keperluan. Kebijaksanaan praktikal seperti inilah yang sangat diperlukan dalam dunia hari ini yang kompleks, berubah pantas, dan penuh cabaran nilai.

Nilai Kepimpinan 9: Berdaya Tahan

Seorang pemimpin yang **berdaya tahan** ialah individu yang melihat cabaran sebagai **langkah penting untuk berkembang**, bukan sekadar kesukaran untuk dielakkan. Bagi mereka, kegagalan hanyalah **halangan sementara**, yang boleh dihadapi dan diatasi dengan cepat, dengan semangat untuk bangkit semula lebih kuat.

Dalam **sirah Nabi Muhammad SAW**, kita melihat bahawa Baginda tidak hanya bersabar secara pasif, tetapi mengamalkan **kesabaran yang aktif dan produktif**. Baginda terus berusaha dalam kerangka realiti semasa, mengambil tindakan yang munasabah tanpa putus asa, namun tetap menyerahkan hasil kepada Allah SWT. Inilah gambaran sebenar daya tahan yang menyeluruh — sabar, ikhtiar dan tawakal.

Menurut **Rosabeth Moss Kanter**, profesor dari Harvard Business School, ketahanan (resilience) lahir daripada **kekuatan karakter**, iaitu satu set nilai teras yang mendorong seseorang untuk mengatasi rintangan dan tetap melangkah menuju kejayaan.

Beliau menyatakan bahawa ketahanan melibatkan **kawalan diri** serta kesanggupan untuk mengakui peranan diri sendiri dalam kegagalan, berkait dengan **tanggungjawab sosial**, iaitu



keinginan untuk bangkit semula kerana rasa kewajipan kepada orang lain, disokong oleh kepercayaan orang sekeliling yang juga mahu kejayaan dicapai bersama serta terzahir dalam **langkah-langkah kecil yang konsisten** seperti sumbangan baharu, kemenangan kecil, dan pencapaian harian yang memberi semangat.

Daya tahan juga sangat berkait rapat dengan **kejelasan visi dan matlamat hidup**. Apabila seseorang mempunyai pegangan nilai yang kukuh serta visi hidup yang jelas, mereka lebih cenderung untuk bertahan ketika berdepan tekanan dan ujian. Sebaliknya, jika nilai teras dan tujuan hidup seseorang itu goyah, maka ketahanan dalaman juga mudah runtuh.

Kepimpinan kenabian yang dibawa oleh Rasulullah SAW memberi penekanan besar kepada nilai ini, bahawa daya tahan adalah antara **kualiti terpenting dalam memimpin perubahan**, menegakkan kebenaran dan melawan kezaliman. Tanpa daya tahan, usaha akan mudah terhenti di tengah jalan. Namun dengan daya tahan, seberat mana pun cabaran, pemimpin tetap akan teguh dan terus mara.

Nilai Kepimpinan 10: Belas Kasihan

Dalam konteks kepimpinan Islam, **belas kasihan** bukanlah satu kelemahan, tetapi kekuatan yang membentuk hubungan yang sihat dan persekitaran yang memberdaya. Ia merupakan akhlak yang menzahirkan nilai **rahmah**, satu sifat yang sangat jelas dalam keperibadian Rasulullah SAW.

Belas kasihan melibatkan **sikap prihatin, kelembutan, kemanusiaan, dan menghargai manusia sebagai individu** yang mempunyai nilai tersendiri. Pemimpin yang berbelas kasihan sentiasa peka terhadap keperluan dan kesulitan orang di sekeliling mereka, tidak hanya fokus kepada prestasi atau angka semata-mata.

Menurut kajian psikologi organisasi moden, terdapat **lima elemen penting** yang menyumbang kepada tahap belas kasihan dalam sesebuah organisasi. Elemen pertama ialah **menyedari penderitaan orang lain**, ini adalah satu keupayaan melihat kesusahan yang dialami oleh orang lain, walaupun tidak diungkap secara lisan.

Elemen kedua pula ialah **tidak menghakimi**, mampu melihat keadaan tanpa cepat menghukum, sebaliknya memahami latar belakang dan keadaan sebenar. Elemen ketiga ialah **bertolak ansur dengan kesusahan peribadi**, empati tidak terhalang walaupun pemimpin itu sendiri sedang berdepan cabaran.



Elemen keempat ialah **bersikap tegas**, belas kasihan bukan bermakna lemah. Pemimpin masih perlu membuat keputusan yang sukar dengan adil dan penuh hikmah. Akhirnya elemen kelima ialah **mengambil tindakan yang wajar**, belas kasihan perlu diterjemahkan kepada tindakan, bukan hanya perasaan simpati semata-mata.

Rasulullah SAW merupakan teladan agung dalam sifat belas kasihan ini. Baginda menyantuni kanak-kanak, menghormati orang tua, memaafkan musuh, dan menunjukkan kepedulian terhadap para sahabat serta golongan tertindas. Kepimpinan Baginda sangat mesra jiwa dan memikat hati kerana dibina atas dasar cinta dan rahmat, bukan dominasi atau ketakutan.

Kepimpinan belas kasihan sangat penting dalam era yang penuh tekanan hari ini. Ia menjadikan organisasi lebih manusiawi, menyuburkan budaya kerja yang sihat, dan mendorong produktiviti melalui rasa dihargai dan dimanusiakan. Seorang pemimpin yang memiliki belas kasihan mampu membina kepercayaan dan kesetiaan pengikut, bukan kerana ketakutan, tetapi kerana rasa hormat dan kasih.

Nilai Kepimpinan 11: Kecerdasan Spiritual

Dalam era moden, kecerdasan tidak lagi diukur secara tunggal melalui kemampuan intelek (IQ) semata-mata. Para ilmuan kini membahagikan kecerdasan manusia kepada **tiga dimensi utama**.

Pertama ialah dimensi **IQ (Intelligence Quotient)** iaitu kecerdasan logik dan pemikiran rasional. Kedua pula ialah **EQ (Emotional Quotient)** iaitu keupayaan mengurus emosi dan berinteraksi secara berkesan dengan orang lain manakala dimensi ketiga ialah **SQ (Spiritual Quotient)** iaitu kecerdasan rohani yang membimbing makna, nilai dan tujuan hidup seseorang.

Menurut **Daniel Goleman**, pelopor kecerdasan emosi, IQ bukan lagi penentu utama kejayaan atau kebahagiaan seseorang. Malah, banyak penyelidikan menunjukkan bahawa mereka yang mempunyai IQ tinggi tetapi lemah dari segi EQ dan SQ, sering menghadapi masalah dalam kerjaya mahupun hubungan sosial.

Cindy Wigglesworth, seorang pengkaji terkemuka dalam bidang SQ, mentakrifkan kecerdasan spiritual sebagai: "Keupayaan untuk bertindak dengan penuh kebijaksanaan dan belas kasihan, sambil mengekalkan ketenangan dalaman dan luaran, tanpa mengira keadaan."



Penulis turut memetik satu penjelasan praktikal yang sangat membantu dalam memahami peranan ketiga-tiga bentuk kecerdasan ini. Secara ringkas **IQ** untuk menyelesaikan masalah secara logik, **EQ** untuk memahami situasi dan bertindak dengan wajar secara emosi dan **SQ** pula untuk mempersoalkan sama ada ini jalan hidup yang sedang diikuti ini benar serta mempunyai kuasa untuk menukar haluan atau sebaliknya.

Walaupun kedua-dua isitilah ini sering dianggap sama, kerohanian dan kecerdasan spiritual bukanlah istilah yang sama. **Kerohanian** merujuk kepada hubungan mendalam seseorang dengan Pencipta, dengan penekanan kepada nilai rabbaniah, takwa dan ubudiyyah dalam kerangka Islam.

Kecerdasan Spiritual pula lebih luas sifatnya, ia melibatkan keupayaan seseorang memberi makna kepada kehidupannya, memahami nilai yang memandu tindakannya, dan membuat pilihan yang seimbang antara emosi, akal dan jiwa.

Mereka yang kurang peduli terhadap hal agama sering bergelut dalam mencari makna dan tujuan hidup. Bahkan, keupayaan untuk membenci kerosakan tetapi tidak memusuhi pelakunya, adalah cerminan kecerdasan spiritual yang tinggi. Dalam hal ini, **iman** memainkan peranan penting — menjadi penstabil emosi, penggerak tindakan, dan benteng daripada tersesat dalam kekeliruan zaman.

Kecerdasan spiritual menjadikan pemimpin tidak hanya hebat pada prestasi, tetapi juga kukuh pada prinsip. Ia membentuk kepimpinan yang tenang dalam badai, sabar dalam ujian, dan jelas dalam hala tuju. Ia bukan sahaja membawa kejayaan luaran, tetapi juga kebahagiaan dalaman yang hakiki.

Ruang Penghayatan

Terdapat banyak kata-kata yang dibentangkan di dalam buku ini untuk dihayati bersama, kami bawakan di sini beberapa ayat yang sangat memberi kesan mendalam ke dalam jiwa kami sewaktu membaca buku ini.

[1]

"Dan sepertinya dunia tidak pernah kekurangan golongan yang lemah karakter, yang berterusan memburu dan meraih kuasa serta kepimpinan."

Halaman 23



Penulis mengungkapkan realiti dunia kepimpinan secara global di mana golongan yang mempunyai karakter yang lemah namun gigih menginginkan kuasa ini sentiasa berterusan wujud. Kegigihan mereka terkadang membuahkan hasil kerana kesungguhan mereka menempatkan diri untuk mendapatkan jawatan, posisi dan kuasa yang diinginkan.

Umum mengetahui bahawa urusan kepimpinan dan kuasa memerlukan golongan yang mempunyai kekuatan karakter daripada segenap sudut seperti sikap, keilmuan, pemikiran, tindakan dan fizikal. Namun, majoriti memilih untuk memandang isu kepimpinan hanya kepada perkara politik semata. Hal ini menyebabkan urusan melatih sikap memimpin dengan baik dari

usia muda menjadi tidak serius sedangkan kepimpinan bermula daripada kemampuan memimpin diri dan keluarga sebelum memimpin masyarakat, organisasi dan negara.

Pembinaan karakter yang mantap tidak mungkin terbina dalam masa sehari bahkan memerlukan tempoh masa yang cukup lama dan berbeza mengikut keupayaan setiap individu. Oleh itu, semua pihak perlu memainkan peranan dalam memastikan dunia yang kita diami ini dihuni oleh insan-insan yang memahami dan mampu memimpin setidaknya memimpin diri sendiri dan tidak melakukan kerosakan terhadap diri dan orang sekeliling.

Sejarah membuktikan setiap tokoh terkenal terutama dalam bidang kepimpinan, kesemuanya pasti memiliki kekuatan karakter yang tersendiri. Mereka bukanlah golongan yang hanya mengejar kuasa dan keistimewaannya, tetapi mereka adalah golongan yang memahami apa itu tanggungjawab yang hadir bersamanya.

[2]

"Kepimpinan yang bagus bukan hanya tentang pemimpin, tetapi juga tentang mempunyai pengikut-pengikut yang bagus."

Halaman 43



Kenyataan ini sangat menarik untuk dibincangkan apabila berbicara soal kepimpinan dan pengurusan. Seringkali program latihan dan seumpamanya difokuskan kepada pembentukan kepimpinan semata walhal pengikut juga adalah elemen penting dalam sesebuah organisasi yang perlu dibangunkan dan dididik.

Jika diamati kejayaan sesebuah empayar atau organisasi yang gemilang, kehebatan pemimpin sebagai panglima atau ketua memang penting namun ia seringkali disokong oleh kekuatan pengikut yang menyambut arahan dan merealisasikan visi pemimpin. Sudah tiba masanya kita mengangkat topik seni menjadi pengikut serta seni pengikut yang memimpin. Hakikatnya, kepimpinan akan silih berganti, dan yang akan menggantikan tampuk kepimpinan nanti juga bermula sebagai pengikut.

[3]

"Memang mudah untuk bercakap tentang iman atau keyakinan seseorang, tetapi lebih sukar untuk hidup selaras dengan keyakinan tersebut. Oleh itu, kita perlu memberi lebih tumpuan kepada amalan dan bukan sekadar berdakwah di mulut sahaja."

Halaman 45



Kesukaran untuk menyelaraskan praktikaliti dengan keimanan adalah sesuatu yang kita semua sedia maklum. Akan tetapi, berapa ramai dalam kalangan kita yang memberikan fokus untuk melihat kepada prestasi amalan seharian dalam kehidupan?

Sebahagian besar daripada masa kita sering dihabiskan untuk berfikir dan bertindak berkaitan soal pekerjaan, pengajian dan hubungan secara kasar sahaja. Hanya sedikit ruang diperuntukkan untuk menilai secara mendalam sejauh mana prestasi, pembangunan diri dan hala tuju hidup, adakah aspek-aspek ini selaras atau tidak dengan prinsip iman yang sepatutnya? Perkara ini memerlukan kesudian dan perhatian dari dalam diri kita untuk mencapainya. Bukan senang, namun tidak mustahil untuk dilakukan.

[4]

"Orang baik perlu memajukan diri mereka secara aktif dan menjadi pempengaruh kerana satu-satunya perkara yang dapat menyebabkan kejahatan berlaku adalah apabila orang baik tidak melakukan apa-apa."

Halaman 70



Dalam dunia serba canggih kini, pentas bagi pempengaruh di media sosial semakin meluas dan mendapat tempat dalam kehidupan masyarakat. Malangnya, pempengaruh kini tidak hanya terhad menjadi agen penyebar perkara baik sahaja, malahan perkara buruk dan agenda yang salah juga turut diketengahkan tanpa tapisan yang ketat seperti tularnya pelbagai trend yang kemudiannya menjadi ikutan.

Apabila ramai orang baik memilih untuk menjadi pemerhati atau pembaca senyap (silent reader) dalam dunia maya, maka bertebaranlah perkara-perkara yang tidak berfaedah. Media sosial bukanlah tempat yang penuh keburukan namun perkara tersebut mendominasi kerana kurangnya penglibatan secara aktif golongan baik dan penegak kebenaran dalam menyebarkan kandungan yang betul dan bermanfaat.

Di sinilah perlunya kesedaran setiap individu untuk belajar berkongsi perkara-perkara yang bermanfaat dan baik di media sosial agar hal yang berkualiti dapat disebarkan kepada masyarakat.

Umat Islam perlu berusaha untuk berada di barisan hadapan dalam menguasai media sosial agar kebenaran mampu menjadi tunjang bacaan di dalam skrin. Sudah terlalu lama media arus perdana dan wacana popular didominasi oleh falasi yang dimonopoli oleh pihak yang berkepentingan.

Mulai sekarang, tanyakan pada diri kita setiap kali menggunakan media sosial; "Adakah hari ini aku telah menyumbang sesuatu yang bermanfaat sama ada dengan berkongsi karya orang lain atau menghasilkan sesuatu yang baik untuk disebarkan kepada umum?".

Semoga dunia menjadi lebih baik dengan kewujudan kita sebagai golongan yang menyebarkan kebaikan dan kebenaran.

[5]

"Nabi Muhammad tidak pernah meremehkan atau memandang rendah pada Abu Dhar. Sebaliknya baginda menunjukkan perlunya kecekapan dalam kepimpinan. Ikhlas dan niat baik sahaja tidak mencukupi."

Halaman 84 - 85



Jika niat sahaja sudah memadai untuk menjalani hidup, nescaya tidak akan ada arahan daripada Allah SWT untuk kita bertindak melakukan pekerjaan, tindakan dan amalan kebaikan. Secara fitrahnya begitulah dunia ini diciptakan menjadi ladang amal tempat manusia perlu menyuburkannya dengan amal soleh.

Dalam dunia kepimpinan, aksi dan tindakan dari pemimpin untuk melaksanakan amanah dan tanggungjawab yang ada sememangnya menjadi perkara utama. Tanpa kualiti pemikiran dan tindakan yang tinggi, masalah dan cabaran hanya akan kekal tanpa sebarang penyelesaian.

Tidak semua orang mempunyai kecekapan yang jitu untuk memikul tanggungjawab yang besar. Maka kerana itulah pentingnya tampuk kepimpinan diserahkan kepada orang yang mempunyai keupayaan yang tinggi untuk memikul urusan manusia tanpa melanggar batasan syariat.

[6]

"Mencari tujuan tidak datang dengan mudah kepada golongan yang tidak mengambil berat perihal agama."

Halaman 241



Agama Islam telah mencakupi seluruh aspek kehidupan. Maka bagi mereka yang mengambil berat dan sentiasa berusaha memahaminya dengan mendalam pasti akan mampu mencari solusi dengan baik dan tenang. Apatah lagi apabila berkaitan dengan perkara seperti menetapkan tujuan, membina cita-cita dan menyelesaikan masalah.

Kesusahan tetap akan hadir sebagai ujian namun kemudahan dalam menghadapinya akan turut serta bersama kerana mereka yang hidup dengan Tuhannya akan sentiasa tenang dan bahagia walau dalam apa jua keadaan sekalipun. Jika kita renungi kehidupan saudara se-Islam kita nun jauh di bumi Palestin sana, sudah pasti kita akan cepat memahami akan kenyataan ayat bahawa mencari tujuan akan datang dengan mudah kepada golongan yang mengambil berat akan perihal agama.



Mesej Utama

Setiap manusia ditakdirkan oleh Allah SWT untuk memimpin dirinya menjadi hamba Allah yang menyembah-Nya dan memimpin masyarakat agar taat kepada Allah SWT.

Penulis buku ini telah mengetengahkan 11 kualiti yang paling penting untuk kita terapkan dalam diri agar menjadi seorang Muslim yang berkualiti. Sikap dan akhlak berkualiti inilah yang membentuk pesona serta pengaruh pada diri seseorang manusia. Adapun, ketinggian ilmu pengetahuan tidak akan bernilai jika tindakan dan sikap orang tersebut tidak selari dengan sifat baik dan mulia.

Setelah kami meneliti keseluruhan buku Muhammad SAW : 11 Kualiti Kepimpinan Yang Mengubah Dunia, maka mesej utama yang boleh disimpulkan adalah berkenaan dengan AKHLAK.

Aspek akhlak ini sangat penting untuk dibentuk sejak dari kecil kerana ia akan menjadi pengamalan seharian individu tersebut. Apatah lagi kepada mereka yang menjadi orang atasan dan pimpinan dalam sesebuah organisasi atau masyarakat.

Kepentingan untuk mempunyai kualiti akhlak yang tinggi pada diri manusia dapat dilihat pada ketetapan Allah SWT mengutuskan rasul kepada setiap umat agar mentauhidkan-Nya dan beramal baik sebagai makhluk yang perlu memimpin dan memakmurkan muka bumi ini.

Bahagian III

KESIMPULAN



Ulasan & Sorotan

MUHAMMAD SAW: 11 KUALITI KEPIMPINAN YANG MENGUBAH DUNIA

Ulasan dan Pandangan

Tentang Akhlak

Di dalam buku Muhammad SAW : 11 Kualiti Kepimpinan yang Mengubah Dunia ini, kesemua kualiti yang diketengahkan oleh penulis pada hakikatnya adalah berkaitan dengan sikap atau akhlak. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat akhlak bermaksud budi pekerti, kelakuan dan tabiat.

Ini menunjukkan bahawa untuk memimpin diri sendiri mahupun masyarakat dan organisasi, seseorang itu perlu memiliki sikap dan akhlak yang terbaik dalam usaha menuju destinasi akhir yang kita tetapkan untuk diri sendiri.

Benarlah ungkapan Rasulullah SAW bahawa dirinya diutuskan untuk menyempurnakan keindahan akhlak, menggambarkan begitu pentingnya mempunyai akhlak yang baik selain daripada akidah yang jelas. Hal ini disebut berdasarkan sebuah hadis yang sahih daripada Abu Hurairah R.A, bahawa Nabi SAW bersabda:

إِنَّمَا بُعِثْتُ لأُتَمِّمَ صَالِحَ الأَخْلاَق

Maksudnya: “Sesungguhnya tidak aku diutuskan melainkan untuk menyempurnakan kebaikan akhlak.” [Riwayat Ahmad

(8952), Syeikh Syu'aib al-Arna'ut menilai hadith ini sebagai sahih dan sanadnya kuat.]

Mengikuti Rasulullah Itu Termasuk Akhlaknya

Kita sering mengikuti sunnah Rasulullah dalam amal ibadat, namun begitu janggal untuk mencontohi akhlak Baginda. Sedangkan sebagai orang yang mengakui bahawa Muhammad itu pesuruh Allah, seharusnya kita turut mengikuti jejak langkah sikapnya juga. Pengikut yang bagaimanakah kita ini jika bersikap begitu bertentangan dengan orang yang kita ikuti?

Di dalam al-Quran, Allah SWT juga telah mengakui bahawa kekasih-Nya Rasulullah SAW adalah merupakan contoh teladan yang terbaik untuk diikuti sebagaimana firman-Nya:

لَّقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُو اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا

Maksudnya: "Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu, pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang)" [Surah al-Ahzab: 21]

Penulis buku mengatakan bahawa beliau boleh menyenaraikan lebih daripada 50 kualiti Rasulullah SAW, namun beliau mengambil 11 kualiti yang dinyatakan di dalam buku karangannya sebagai kualiti-kualiti yang paling utama untuk dibina dan diamalkan terutamanya apabila menjadi pemimpin.

Mengapa penting kita mengikuti akhlak Rasulullah SAW? Tidak lain dan tidak bukan adalah kerana Rasulullah SAW berakhlak seperti mana yang dinyatakan di dalam Al-Quran. Mengikuti Rasulullah SAW bermakna juga kita mengamalkan isi Al-Quran.

Mari kita mendalami hadis yang disampaikan oleh Saidatina Aisyah R.Anha berkenaan akhlak Rasulullah SAW :

Sa'd bin Hisham bin Amir telah datang ke Madinah dan bertemu dengan Saidatina Aisyah dan bertanya:

يَا أُمَّ المُؤمِنِينَ ، أنبئِنِي عَن خُلُقِ رَسُولِ اللهِّ صَلَّى اللهُّ عَلَيهِ وَسَلَّمَ

"Wahai Ummul Mukminin, ceritakan kami tentang akhlak Rasulullah."

Lalu Aisyah menjawab dan bertanya kepadanya: "Apakah engkau tidak membaca al-Quran?"

Sa'd menjawab: "Bahkan aku membacanya". Lalu Aisyah berkata:

قَالَت : فَإِنَّ خُلُقَ نَبِيِّ اللهِّ صَلَّى اللهُّ عَلَيهِ وَسَلَّمَ كَانَ القُرآنَ

"Sesungguhnya akhlak Nabi SAW itu adalah al-Quran." (Riwayat Muslim)

Dr. Ahmad Sanusi Azmi, pensyarah Fakulti Quran dan Sunnah Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) pernah berkongsi berkenaan maksud hadis ini iaitu :

Menurut al-Imam al-Nawawi, yang dimaksudkan dengan akhlak Nabi itu adalah al-Quran ialah:

العمل به ، والوقوف عند حدوده ، والتأدب بآدابه ،
والاعتبار بأمثاله وقصصه ، وتدبره ، وحسن تلاوته

Maksudnya : (Iaitu Baginda) Beramal dengan al-Quran, berhenti di sempadan yang ditetapkan, beradab dengan adab al-Quran, mengambil iktibar daripada contoh-contoh dan kisah-kisahnya, mentadabbur dan bertilawah yang baik. [Syarah Muslim]

Manakala menurut Ibn Rajab pula, yang dimaksudkan dengan akhlak al-Quran itu ialah keredaan dan kemarahan

Rasulullah adalah berteraskan kepada apa yang telah digariskan dalam al-Quran. Kata beliau:


يعني أنه كان يتأدب بآدابه ويتخلق بأخلاقه ،
فما مدحه القرآن كان فيه رضاه ، وما ذمه القرآن كان فيه سخطه

Maksudnya : "Iaitu Baginda beradab dengan adab al-Quran, berakhlak dengan panduan al-Quran, maka apa sahaja yang dipuji oleh Allah dalam al-Quran maka itulah keredaan Baginda, dan apa sahaja yang dikeji oleh al-Quran, maka itulah kemarahan Baginda." [Jami' Ulum wa al-Hikam]

Al-Qadhi Iyad pula menjelaskan bahawa akhlak Nabi adalah setiap panduan yang boleh didapati di dalam al-Quran. Kata beliau:

أي خلقه كان جميع ما حصل في القرآن ،
فإنَّ كُلَّ ما استحسنه وأثنى عليه ودعا إليه فقد تحَلَّى به

Maksudnya : "Iaitu akhlak Baginda itu adalah setiap apa yang dihimpunkan di dalam al-Quran. Apa sahaja yang dinilai baik, dipuji dan diseru oleh al-Quran, maka Rasulullah akan menghiasi dirinya dengan perkara tersebut." [al-Shifa]



Penutup

Kami amat menyarankan buku Muhammad SAW: 11 Kualiti Kepimpinan yang Mengubah Dunia ini untuk dibaca oleh sesiapa yang terlibat dalam dunia kepimpinan dan pengurusan. Buku ini mengandungi pelbagai konsep dan model kepimpinan yang praktikal, bermakna dan relevan untuk diamalkan dalam pelbagai konteks.

Namun begitu, kami berpandangan bahawa pengalaman membaca buku ini akan lebih bermakna sekiranya anda membaca naskah asal yang dikarang penulis, iaitu Muhammad : 11 Leadership Qualities That Changed The World.

Perlu difahami bahawa naskah terjemahan yang ada tetap bermanfaat. Namun, terdapat beberapa istilah penting dan model kepimpinan yang diketengahkan lebih relevan jika dibaca dalam bahasa Inggeris kerana terdapat istilah dan nuansa yang kurang tepat jika dibaca dalam naskah terjemahan Bahasa Melayu. Membacanya dalam versi asal dapat memberikan kefahaman yang lebih mendalam dan menyampaikan hasrat penulis dengan lebih tepat.

Selain itu, sisi menarik bagi buku ini ialah penulis turut menyediakan senarai rujukan dan cadangan bacaan tambahan di akhir setiap bab, menjadikan ia satu sumber ilmu yang luas dan terbuka untuk diteroka. Pembaca berpeluang menambah pengetahuan dan memperkukuh pemahaman mereka terhadap setiap kualiti kepimpinan yang dibincangkan.


Adunan di antara kajian pihak Barat dan Timur juga diolah dengan baik oleh penulis di samping tidak meninggalkan contoh-contoh peristiwa dalam sirah Rasulullah SAW. Gaya penulisan Nabeel yang bersifat akademik, sederhana dan tidak terlalu teknikal walaupun serius membolehkan mesej yang ingin disampaikan mudah difahami pembaca.

Gabungan kesemua perspektif ini membantu meluaskan gaya pemikiran umat Islam dalam melihat sesuatu perkara. Keupayaan menggabungjalinkan pelbagai sudut pandang yang suatu ketika dahulu menjadi kekuatan ilmuwan Islam kini semakin berkurangan. Kita kehilangan permata-permata hebat seperti sarjana ilmuwan dahulu kala yang mampu menghasilkan karya agung yang menghuraikan dan menyelaraskan perkara dari pelbagai sudut keilmuwan sains, falsafah dan agama.



Semoga lebih banyak buku yang mempunyai kualiti dapat dihasilkan oleh penulis-penulis Islam agar dapat dihidangkan kepada umat yang sentiasa dahagakan kefahaman dan kebenaran. Kami berharap ulasan ringkas ini mampu membantu dan menjadi panduan kepada mereka yang mencari bahan bacaan bermutu dalam memahami konsep kepimpinan yang bersumberkan sirah nabawiyah. Terima kasih atas kesudian membaca.

Wallahu a'lam.



MEMIMPIN DENGAN JIWA

Buku ini menghimpunkan ulasan-ulasan tajam dan berjiwa yang mengupas semula karya asal "Muhammad SAW: 11 Kualiti Kepimpinan Yang Mengubah Dunia" oleh Nabeel Al-Azami. Ia merupakan hasil bacaan dan renungan kolektif terhadap konsep kepimpinan Rasulullah SAW yang diangkat melalui lensa akademik dan pengalaman semasa. Setiap ulasan dalam buku ini membedah kualiti utama seorang pemimpin seperti keberanian moral, visi jangka panjang, kecekapan komunikasi, empati dan kebijaksanaan rohani.

Tidak sekadar menceritakan kembali kehebatan seorang tokoh agung, buku ini mengajak pembaca menyelami nilai dan cabaran sebenar dalam memimpin serta bagaimana prinsip-prinsip ini boleh diterapkan dalam konteks kehidupan moden hari ini. Setiap bab merupakan ruang wacana yang hidup dan menginspirasikan.

Buku ini adalah satu seruan dan pelawaan untuk membina kepimpinan yang bukan sahaja bijak membuat keputusan tetapi juga jujur, berprinsip dan berpandangan jauh. Ia ditujukan khas buat para pendidik, pemimpin muda, penggerak komuniti serta semua individu yang percaya bahawa perubahan besar bermula dengan nilai-nilai kecil yang dihidupkan dalam diri. Bacalah dan mula langkah pertama untuk **Memimpin dengan Jiwa**.

e ISBN 978-629-96280-0-2

9 786299 628002

Diterbitkan Oleh
Yayasan Strategik Lestari